

BMW M5

Daya Dinamik Berprestasi Tinggi

PASUKAN yang menala dan melaraskan casis BMW M5 hanya mempunyai satu matlamat – pemanduan dinamik yang tiada tandingannya serta kestabilan yang maksimum. Lantaran tidak hairanlah jika jentera premium sedan terbaharu BMW M5 ini telah menggarap gelaran 'World Performance Car 2018' di New York International Motor Show 2018.

Oleh: Nurul Huda Zulkifli

Buat pertama kalinya, BMW M5 menampilkan kuasanya melalui sistem pacuan semua roda M xDrive yang dilengkapi dengan pelbagai mod dan boleh disesuaikan mengikut kehendak pemandu. Kepelembagaan mod (4WD, 4WD Sport, 2WD) kenderaan ini meningkatkan dinamik pemanduan ke tahap yang baharu.

Menariknya, elemen penegangan yang canggih di bahagian hadapan dan belakang badan kenderaan memastikan jentera ini mempunyai struktur yang teguh dan kukuh. Pemandu juga boleh memilih mod seperti 'Comfort', 'Sport' dan 'Sport Plus' bagi sistem 'Variable Damper Control' (VDC) yang mempunyai 'M-specific tuning' dan stereng 'M Servotronic'.

Kedua-dua butang M1 dan M2 yang terletak pada stereng berkulit 'M' boleh digunakan untuk mengaktifkan dua tetapan yang boleh dikonfigurasi dan disimpan untuk pengaktifan segera. Tetapan tersebut meliputi kombinasi pilihan enjin, transmisi, suspensi, mod M xDrive, mod DSC dan tetapan Head-Up-Display.

BMW M5 menawarkan penarikan taraf dengan Brek Seramik Karbon 'M' yang didatangkan dengan angkup berwarna emas. Brek Seramik Karbon 'M' juga dapat menurunkan berat kenderaan ini sebanyak 23 kilogram, lantas memberikan kenderaan ini kelebihan nyah

pecutan dan pada masa yang sama, kadar kelusuhan juga dapat dikurangkan.

Pecutan Luar Biasa

Enjin V8 4.4 liter yang dipasang dalam kereta ini mengguna pakai teknologi BMW M TwinPower Turbo yang kini lebih berkuasa. Keupayaan unit ligatan BMW M5 ini mampu menjana 600 kuasa kuda (hp) pada tahap 5,600 hingga 6,700 rev per minit (rpm).

sementara keupayaan tork mencapai 750 Newton meter (Nm) dengan hanya tahap rpm setinggi 1,800, dan bacaan tork pada tahap tersebut dapat dikekalkan sehingga rpm mencecah 5,600.

Keupayaan enjin kenderaan ini juga boleh diubah dengan hanya menekan butang yang disediakan dan ia membolehkan pemandu memilih tetapan sedia ada, iaitu 'Efficient' atau tetapan yang lain seperti 'Sport' atau 'Sport Plus' yang berupaya menjana tindak balas lebih berkesan ketika memcut.

BMW M5 terbaharu juga berupaya memcut daripada kelajuan 0 hingga 100 km/j dalam masa 3.4 saat sahaja. Penambahbaikan yang lain turut diusahakan oleh jurutera BMW M untuk memberikan enjin V8 turbo berkembar ini keupayaan yang luar biasa. Ini termasuk pengeras turbo baharu dengan tekanan injeksi maksimum yang lebih tinggi.

Tambahan lagi, kuasa turbo berkembar V8 jentera ini disalurkan di atas jalan raya melalui sistem pacuan semua roda iaitu M xDrive. Kebolehan ini dapat dicapai dengan penggunaan roda hadapan apabila roda belakang tidak dapat menjana kuasa yang mencukupi dan juga ketika cengkaman lebih tinggi diperlukan.

Keadaan ini membolehkan jentera ini dikawal dengan lebih mudah lantas memberikan pemandu sebuah pengalaman pemanduan kenderaan sedan yang cukup luar biasa. Bagi pemandu yang mahukan lebih daripada itu, tetapan M xDrive boleh di konfigurasi pada bila-bila masa mengikut keperluan mereka.

Reka Bentuk Menarik

Reka Bentuk trim bampar hadapan terbaharu dengan kemampuan penyerapan udara yang lebih tinggi ditugaskan untuk memastikan sistem


penyejukan dan brek kenderaan dibekalkan dengan udara penyejukan yang secukupnya.

Bonet BMW M5 dihasilkan menggunakan aluminium yang merangkumi ukiran skulptur menawan dan diunjurkan secara visual untuk membentuk bahagian bumbung. Bumbungnya pula di rumus daripada bahan plastik yang dikukuhkan oleh carbon fibre-reinforced plastic (CFRP) yang ringan lagi utuh.

Peresap yang terletak di bahagian belakang kenderaan ini juga telah diubah suai. Bersama dengan skrin sisi, 'M rear apron' serta 'M rear spoiler' kenderaan ini memainkan perannya untuk memberikan jentera tampak sporty dan lebih berkuasa. Cermin luarannya pula mempunyai reka bentuk M yang dinamik dan khas.

BMW Malaysia juga menawarkan pilihan menaik taraf daripada penawaran yang asas iaitu melalui Pek Prestasi, Pek Keselamatan Lanjutan dan Pek Hiburan. BMW M

berbagai pilihan warna luaran. Antaranya, Marina Blue metallic, Donington Grey metallic dan Singapore Grey metallic.



Control No : 0000275739
File No : AUTA01

Automobile - general
pg - 106 - 107